



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM TAUTAN KASIH *ONE HOPE CHARITY*
TAHUN 2023

TARIKH / MASA / TEMPAT
05 JANUARI 2024 (JUMAAT)
3.00 PETANG

AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan impah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Penyerahan Beg Makanan Beserta Wang Ehsan kepada Warga Kerja MBSP Sempena **Program Tautan Kasih One Hope Charity Tahun 2023.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Chua Sui Hau selaku Pengurus *One Hope Charity & Welfare* atas penganjuran Majlis Penyerahan Beg Makanan Berserta Wang Ehsan kepada Warga Kerja MBSP pada petang yang berbahagia ini.
3. Seperti yang kita sedia maklum, *One Hope Charity & Welfare* merupakan satu badan bukan kerajaan (NGO) yang paling aktif menjalankan misi kebajikan di negeri ini. Sejak penubuhannya pada tahun 2002, *One Hope Charity* telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada ribuan orang yang kurang berkemampuan. Matlamat

utama *One Hope Charity* adalah untuk memberi bantuan kos perubatan, bantuan pengebumian, sumbangan barang keperluan harian dan lain-lain kepada keluarga yang memerlukan di kalangan penduduk di Pulau Pinang. Dengan kajian latar belakang penerima yang ketat, *One Hope Charity* tetap telus terhadap para penderma yang murah hati.

4. Perkhidmatan kebajikan yang diberikan bukan setakat ditumpukan kepada rakyat, tetapi juga disalurkan secara menyeluruh termasuklah dalam meringankan beban sistem perubatan negeri dan negara ketika pandemik COVID-19 beberapa tahun yang lalu. Sesungguhnya, kami amat berbangga dengan kejayaan dan prestasi yang dipamerkan oleh *One Hope Charity* secara keseluruhannya. Semoga *One Hope Charity* akan terus mengusahakan kerja kebajikan yang lebih mampan dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan.

5. *One Hope Charity* juga banyak membantu warga kerja yang tidak berkemampuan di Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di MBSP, *One Hope Charity* telah memperuntukkan dan mengagihkan barang-barang keperluan harian kepada warga kerja MBSP yang kurang berkemampuan setiap tahun sejak tahun 2018.

6. Selain itu, warga kerja MBSP yang tersenarai, dihantar untuk menyertai Karnival Kesihatan *One Hope Charity* yang diadakan setiap tahun. Pelbagai perkhidmatan ujian kesihatan dan pemeriksaan badan dilaksanakan yang membabitkan ujian ke atas darah untuk menguji tahap kesihatan.
 7. Dan pada petang ini, melalui Program Tautan Kasih *One Hope Charity* Tahun 2023, *One Hope Charity* meneruskan misi bantuan dengan menyediakan 200 bakul makanan berupa keperluan asas bernilai RM100.00 bagi setiap satu dan wang tunai sebanyak RM200.00 kepada kakitangan MBSP yang bertugas dalam bidang 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).
 8. Seramai 200 penerima sumbangan ini adalah kakitangan MBSP daripada lapan (8) jabatan:-
 - i. Jabatan Khidmat Pengurusan - 5 orang
 - ii. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran - 55 orang
 - iii. Jabatan Perhubungan Komuniti - 10 orang
 - iv. Jabatan Pengurusan Krisis - 30 orang
 - v. Direktorat Penguatkuasaan - 20 orang

- | | | | |
|-------|--------------------------------|---|----------|
| vi. | Jabatan Landskap | - | 30 orang |
| vii. | Jabatan Kejuruteraan | - | 30 orang |
| viii. | Jabatan Perkhidmatan Kesihatan | - | 20 orang |
9. Akhir kata, Tahniah dan Syabas kepada *One Hope Charity* atas usaha yang amat bermakna ini. Sesungguhnya, MBSP amat bangga dengan usaha dan kejayaan yang dipamerkan oleh *One Hope Charity* secara keseluruhannya. Semoga *One Hope Charity* terus mengorak langkah lebih maju dalam menjayakan misi membantu lebih ramai golongan yang memerlukan. .

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***